



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**TUKANG UBAT TERLATIH (M.6)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. TUKANG UBAT TERLATIH
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.6 (\$1,540 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA PULUH SEMBILAN (29)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Teknisyen Farmasi atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Mempunyai Sijil Tukang Ubat atau sebanding serta mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan Tukang Ubat tidak kurang dari 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Calon-calon akan menjalankan tugas di bahagian atau unit masing-masing dalam memastikan kelancaran perkhidmatan bahagian / unit berkenaan. Kegiatan-kegiatan yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut:-
- i. Menyediakan dan melabel ubat-ubatan mengikut preskripsi Pegawai Perubatan dan memberikannya kepada pesakit-pesakit berkenaan serta memberi penerangan-penerangan berkaitan mengenai ubat-ubatan berkenaan;
 - ii. Membuat pemeriksaan *double-checking* ke atas preskripsi dan ubat-ubat yang telah disediakan oleh Teknisyen Farmasi sebelum diberikan kepada pesakit-pesakit berkenaan;
 - iii. Memberikan penerangan atau maklumat mengenai penggunaan ubat dan seterusnya memberi latihan kepada pesakit;
 - iv. Membuat persediaan ubat-ubatan *extemporaneous* seperti yang diperlukan dari semasa ke semasa;
 - v. Menjaga kebersihan kaunter kerja, *sink* dan rak-rak ubat;



- vi. Memeriksa rak-rak ubat bagi memastikan stok adalah mencukupi dan mengisinya bila diperlukan;
 - vii. Mengawal stok ubat-ubatan dalam Farmasi;
 - viii. Membekalkan ubat yang diperlukan kepada wad-wad, klinik-klinik dan hospital-hospital daerah; dan
 - ix. Membuat pemeriksaan ke atas ubat-ubat yang disimpan di wad-wad.
2. Memeriksa dan memastikan semua ubat-ubatan di tempat masing-masing tidak mansuh dan seterusnya mencatat mana-mana yang telah mansuh;
 3. Mengawas dan menyelia pembungkusan semula ubat-ubatan;
 4. Membantu Pegawai yang lebih kanan dalam memberi panduan tata kerja kepada Teknisyen Farmasi dan Teknisyen Farmasi Pelatih;
 5. Bersedia untuk menerima arahan dan menjalankan tugas yang berkaitan dengan kerja seperti yang diberikan oleh Pegawai yang lebih kanan di semua peringkat di unit berkenaan;
 6. Bertanggungjawab terus kepada Pegawai yang lebih kanan di unit masing-masing; dan
 7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.